



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Babel, D. (1989). Undang-undang Adat: Melayu Islam Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 255-270

UNDANG-UNDANG ADAT: MELAYU ISLAM SARAWAK

Dona Babel

Dokuman pertama yang ditemui yang bertulis mengenai peraturan 'adat' Melayu ialah Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak yang mula diperkenalkan dalam bentuk lengkapnya pada tahun 1915.¹ Sebelum ini memang sudah terdapat bahagian-bahagian peraturan diluluskan dalam Supreme Council mungkin mengikut keadaan dan masalah semasa. Misalnya pada mesyuarat Supreme Council pada 15 Disember 1910² di Astana satu "undang-undang Datu-Datu dalam Balai Kuching" dalam 4 fasal diluluskan. Draf undang-undang ini telah diusahakan oleh ketua-ketua masyarakat Melayu yang menjadi ahli Supreme Council tersebut. Mereka ini termasuk:

Datu' Bandar	-	Abang Mohamad Kasim
Datu' Temenggong	-	Haji Mohamed Ali
Datu' Hakim	-	Haji Azhari
Datu' Imam	-	Haji Marais (1910)
		(Haji Ahmat Rais) (1915) ³
Tua Kampung Gersik	-	Encik Mohamad Zin

Dari segi asalnya undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak yang mempunyai 67 fasal, merupakan usaha untuk mencuba menyelaraskan (regulate) sistem dan peraturan 'adat' yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Dari segi bentuknya dokumen ini adalah merupakan satu senarai peraturan dan hukuman serta denda yang dikepakkan ke atas seseorang atau kumpulan yang melanggar "hukum adat".⁴

UNDANG-UNDANG ADAT: MELAYU ISLAM SARAWAK

oleh

Dona Babel

Dokuman pertama yang ditemui yang bertulis mengenai peraturan 'adat' Melayu ialah Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak yang mula diperkenalkan dalam bentuk lengkapnya pada tahun 1915.¹ Sebelum ini memang sudah terdapat bahagian-bahagian peraturan diluluskan dalam Supreme Council mungkin mengikut keadaan dan masalah semasa. Misalnya pada mesyuarat Supreme Council pada 15 Disember 1910² di Astana satu "undang-undang Datu-Datu dalam Balai Kuching" dalam 4 fasal diluluskan. Draf undang-undang ini telah diusahakan oleh ketua-ketua masyarakat Melayu yang menjadi ahli Supreme Council tersebut. Mereka ini termasuk:

Datu' Bandar	-	Abang Mohamad Kasim
Datu' Temenggong	-	Haji Mohamed Ali
Datu' Hakim	-	Haji Azhari
Datu' Imam	-	Haji Marais (1910) (Haji Ahmat Rais) (1915) ³
Tua Kampung Gersik	-	Encik Mohamad Zin

Dari segi asalnya undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak yang mempunyai 67 fasal, merupakan usaha untuk mencuba menyelaraskan (regulate) sistem dan peraturan 'adat' yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Dari segi bentuknya dokumen ini adalah merupakan satu senarai peraturan dan hukuman serta denda yang dikenakan ke atas seseorang atau kumpulan yang melanggar "hukum adat".⁴

Apakah peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan sebelum wujud dokumen yang bertulis seperti UMMS? Apakah kawalan dan penyeliaan ke atas perlakuan ahli-ahli Masyarakat Melayu sebelum ini? Tanpa undang-undang yang formal, masyarakat Melayu sudah mematuhi 'adat' mengikut kelaziman cara hidup yang diperaktikkan ditempat masing-masing. Pada pendapat saya, keadaan ini berlaku kerana 3 faktor utama;

I. KEPERCAYAAN

Sungguhpun masyarakat Melayu beragama Islam, penguasaan agama masih ke tahap rendah dan belum meresap dan mendalam lagi. Dari itu tradisi kepercayaan terhadap makhluk ghaib masih dihayati kerana pada hemah

mereka, makhluk ini juga datangnye dari Allah. Makhluk ghaib inilah yang sentiasa mengawasi dan memerhati perlakuan mereka. Prof. Dr. Zainal Kling memanggil elemen ini "Kuasa luar" yang mungkin mengancam kehidupan mereka yang pada masa ini cuma mencapai tahap "survival".⁵ Dari itu, sekiranya satu-satu adat itu tidak dipatuhi, seseorang itu mungkin terkena "tungkal laus"⁶ atau "terkena peraja"⁷ dan sebagainya. Untuk menentukan kanak-kanak berkelakuan baik, maka disebutlah "Nanti ditangkap Mombo" atau "dijamah antu", "dirasuk antu"⁸ dan "ditapok antu"⁹ sekiranya mereka berbuat jahat. Tidak perlulah saya membincangkan kesan-kesan dari 'adat ini'.

II KONSEP MENJAGA NAMA (KEHORMATAN)

Masyarakat Melayu sangat mementingkan penjagaan "nama baik". Hubungan keluarga dalam masyarakat Melayu amat penting dan tiap-tiap ahli keluarga tidak dibenarkan mencemar nama keluarga. Konsep "nama" ini berkait rapat dengan konsep "malu". Semua ahli inginkan "nama" baik tapi semua akan cuba mengelak diri dari dimalukan atau memberi malu kepada keluarga.

Contohnya dibayangkan dalam Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak (Pindaan 1956).

Fasal 15

"Jikalau perempuan yang bersalah itu tiada mahu kawin sekali-kali dengan itu laki-laki nescaya tiadalah dapat silaki-laki itu berdakwa kepadanya kerana nama bersalah itu sedikit malu kepada laki-laki dan banyak kemaluan kepada perempuan ..."

Fasal 13

"Hukum memberi malu seperti katanya sianu itu pencuri atau penjudi atau penyabung atau pengendak atau pemabuk atau sebagainya daripada perkataan yang jadi malu atas orang yang dikata

Oleh kerana "nama baik" itu disukai ramai dan "dihormati", serta "dipuji" oleh Masyarakat itu maka perlakuan haruslah mengikut kelaziman yang diresmikan oleh masyarakat itu mengikut "adat". Satu rangkai ayat Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak yang menggambarkan keperluan ini ialah "Bagaimana adat orang kebanyakan". Demikianlah nampaknya, nilai salah dan betul, baik dan sebaliknya ditentukan oleh masyarakat itu. Merekalah yang menentukan samada perbuatan itu "sumbang", "pelik" atau sebaliknya.

III. KONSEP 'ADAB BAHASA'

Menjaga hubungan dan pergaulan dalam Masyarakat Melayu amat penting. Untuk menentukan hubungan mesra ini berterusan, sangat perlu menjaga hak dan perasaan supaya tidak menyentuh atau menyinggung perasaan sehingga "mengubah air muka" seseorang. Untuk keperluan ini "adab bahasa" hendaklah dijaga baik dari segi perlakuan mahupun pertuturan.